

# 'Tegakkan Islam ikut kemampuan'

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam perlu berusaha memenuhi tuntutan Islam yang mampu dilaksanakan, bukan semata-mata kerana ia dilihat sebagai sesuatu yang ideal.

Perdana Menteri berkata, sesuatu tuntutan agama yang ideal tetapi di luar kemampuan umat Islam untuk melaksanakannya boleh membawa kesan buruk kepada ummah.

Beliau berkata, Islam bukan agama kaku dan memaksa umatnya melaksanakan sesuatu yang boleh membinasakan mereka, tetapi agama yang memberi kelonggaran kepada umatnya untuk merancang sesuatu bersesuaian dengan keperluan mereka.

"Hakikatnya kita mesti mencuba membuat sesuatu yang boleh dilakukan bukan sesuatu yang ideal sehingga membinasakan kita kerana kita tidak boleh mencapainya.

"Kita memang mahu yang ideal tetapi keupayaan kita terhad," katanya menjawab soalan mengapa umat Islam di seluruh dunia tidak berusaha bersatu di bawah satu negara pada sesi dialog Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, tidak mungkin pada masa ini untuk mentadbir satu bilion umat Islam yang berada di merata dunia, termasuk di negara bukan Islam di bawah satu negara ummah.

Malah, katanya, untuk mentadbir dengan baik hanya tiga juta umat Islam dalam sebuah negara kecil adalah satu tanggungjawab yang sukar dilaksanakan.

"Jika kita hendak menubuhkan kerajaan untuk se-

“ ~~UMMAH~~ 3 0 SEP 2000  
**Hakikatnya kita mesti mencuba membuat sesuatu yang boleh dilakukan bukan sesuatu yang ideal sehingga membinasakan kita kerana kita tidak boleh mencapainya** ”

- DR MAHATHIR MOHAMAD

luruh dunia ketika kita tidak mampu mentadbir negara sendiri, adakah anda fikir kita akan berjaya.

"Ia sesungguhnya sesuatu yang ideal tetapi ada yang kita dituntut agama tetapi tidak mampu kita laksanakan. Hanya kerana kita tidak mampu melaksanakannya tidak bermakna kita menolak konsep negara ummah," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas majlis berkenaan Dr Mahathir berkata pelaksanaan undang-undang bagi menangani gejala murtad di kalangan umat Islam tidak boleh dilaksanakan secara sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, masih wujud perbezaan pendapat mengenai murtad dan apa yang sepatutnya dilakukan terhadap mereka terbabit dan ia sudah berlarutan selama 1,400 tahun kedatangan Islam.

"Dalam keadaan ini kita tidak boleh membuat keputusan sewenang-wenang. Ramai fikir masalah (murtad) boleh diselesaikan dengan memenggal kepala," katanya.

Dr Mahathir mengulas cadangan kerajaan menggubal rang undang-undang bagi menangani perbuatan murtad serta perbuatan penyelewengan ajaran Islam.

Bulan lalu, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar dilaporkan berkata rang undang-

undang itu kini pada peringkat akhir penyediaan dan akan diserahkan kepada pejabat Peguam Negara tidak lama lagi untuk dihalusi.

Sebelum ini, Dewan Undang Negeri Perlis meluluskan rang Undang-undang Perlindungan Akidah Islamiah (Negeri Perlis) 2000, bertujuan menjaga kecuaihan agama Islam, termasuk mewajibkan mereka yang didapati memesongkan akidah, menjalani pemulihan.

Bagaimanapun, pelaksanaan undang-undang itu ditangguhkan kerana masih diteliti pejabat peguam negara.

Perdana Menteri berkata, kajian mendapati rang undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Perlis itu ada banyak kelemahan.

Ditanya apakah pindaan itu dilakukan oleh menterang pengaruh Pas, Dr Mahathir berkata ini bukan persoalan untuk menjadi lebih Islamik kerana kerajaan sudah mengamalkan banyak peraturan Islam.

Mengenai kakitangan universiti yang terbabit dengan pembangkang, beliau berkata sebahagian daripada mereka menggunakan masa dan duit yang kerajaan untuk melaksanakan agenda mereka.

Mengenai rancangan pihak tertentu mengadakan demonstrasi ketika lawa-

tan beliau ke Cambridge (England), Dr Mahathir berkata hanya mereka yang bankrap idea akan melakukan perkara sedemikian.

"Di Chicago (Amerika Syarikat) mereka juga berdemonstrasi terhadap saya. Tiga puluh daripada mereka mengibarkan bendera di luar bangunan dan kelihatan sungguh bodoh sedangkan 350 hadirin di dalam boleh mendengar dan mengutarakan soalan bernas.

Ternyata mereka tidak mempunyai cukup kepintaran," katanya.

Mengenai serangan tentera Filipina ke atas masyarakat Islam di Pulau Jolo, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh menghalang kerajaan negara itu mengambil tindakan dalam wilayahnya.

"Ya, kita bimbang akan keselamatan rakyat kita tetapi kita tidak boleh mengambil tindakan, itu di dalam kawasan mereka.

"Jika kita campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain maka mereka juga akan campur tangan dalam hal ehwal dalaman kita dan ini sudah tentu tidak baik," katanya.

Menjawab soalan berhubung globalisasi, Perdana Menteri berkata Barat hanya mahukan proses itu berlaku dalam satu hala dengan mereka bebas memasuki negara membangun lain untuk mengaut keuntungan.

Katanya, pemimpin negara Barat tidak bersetuju apabila beliau mencadangkan mereka membuka sempadan mereka kepada kemasukan 300 juta rakyat Cina dan 200 juta rakyat India untuk mencari pekerjaan di sana.

"Bagi mereka dunia tanpa sempadan ialah mereka boleh datang masuk dan kita tidak boleh," katanya.